

PETIKAN TITAH



Rakyat Beta yang berugama Islam yang Beta kasih, marilah kita bersama-sama mengalu-alukan kehadiran Ramadhan. Ramadhan adalah penghulu segala bulan. Darjatnya sangat tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Di dalamnya Al-Qur'an diturunkan.

Terdapat riwayat menyebut, bahwa semua pintu langit dan pintu syurga dibuka pada bulan Ramadhan, manakala pintu-pintu neraka pula ditutup dan semua iblis serta syaitan dirantai, supaya mereka tidak dapat mengacau kita Umat Islam yang sedang berpuasa.

Riwayat lain juga menyebut bahwa siapa yang menghampiri diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dengan satu sembahyang dalam bulan Ramadhan, adalah sama imbangannya dengan tujuh puluh (70) sembahyang pada lain-lain bulan. Dan satu sembahyang sunat, sama imbangannya dengan satu sembahyang fardhu.

Demikian, hebatnya kelebihan Ramadhan. Oleh itu, Beta berharap, kita umat Islam, janganlah mengabaikan kelebihan ini dan memanfaatkan peluang yang cuma didapat, sekali sahaja dalam setahun dengan melakukan ibadat-ibadat seperti bertadarus Al-Qur'an, Sembahyang Tarawih, Qiamullail, sedekah dan lain-lain.

"Puasa itu adalah pendinding. Maka manakala seorang kamu berpuasa, hendaklah dia tidak bercakap kotor, tidak berlaku jahat (fasik), dan tidak berpura-pura jahil terhadap hukum. Jika orang mencercanya atau mengajaknya berkelahi, maka hendaklah ia berkata: "Sesungguhnya aku sedang berpuasa".

Selain dari bercakap kotor dan berkelahi boleh merosakkan puasa, Beta melihat yang turut mustahak juga dijaga ialah hal ehwal permakanan. Menjaga permakanan ini sangatlah penting supaya ia bersih dan halal, bukan tercemar oleh unsur haram atau syubhab. Ugama Islam juga sangat mementingkan kesihatan dan di antara langkah paling berkesan untuk mengekalkan kesihatan ialah melalui permakanan. Walaupun permakanan dalam bulan puasa sering didapati pelbagai atau beraneka, kita selaku umat Islam perlu mengelak pembaziran dan makan minum yang berlebih-lebihan dengan mengikuti kaedah yang dituntut dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam iaitu sukatan: sepertiga untuk makanan, sepertiga lagi untuk minuman dan sepertiga pula untuk bernafas. Jika badan sihat, semua aktiviti peribadatan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan kita dapat sama-sama meraih kelebihan pada bulan yang penuh keberkatan ini.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
SEMPENA MENYAMBUT AWAL BULAN RAMADAN BAGI TAHUN 1446/2025**

SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

PUSAT PEMBANGUNAN BELIA DENGAN KERJASAMA BADAN KEBAJIKAN CHAMPION 7 LAKSANAKAN MAJLIS KASIH RAMADAN 1446/2025



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Ramadan 1446 / 6 Mac 2025 - Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Badan Kebajikan Champion 7, Syarikat Minyak Brunei Shell telah bekerjasama bagi melaksanakan Majlis Kasih Ramadan kali ke 4 bagi tahun 2025 yang diadakan bersempena dengan bulan Ramadan 1446.

Tumpuan majlis pada tahun ini penyerahan sumbangan dan sedekah kepada seramai 25 orang anak-anak yatim terdiri daripada anak-anak yatim dari keluarga warga Pusat Pembangunan Belia, Champion 7 dan anak-anak yatim dari Kampong Salambigar.

Hadir selaku Tetamu Kehormat, seterusnya menyerahkan sumbangan dan sedekah kepada anak-anak yatim, ialah Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudyaan, Belia dan Sukan.

**PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN SEMPENA HARI WANITA ANTARABANGSA 2025**



Sabtu, 7 Ramadan 1446 / 8 Mac 2025 - Negara Brunei Darussalam sekali lagi menyambut **Hari Wanita Antarabangsa** pada 8 Mac, satu kesempatan bagi menghargai sumbangan dan meraikan pencapaian wanita dan gadis.

Tema tahun ini, "**Untuk SEMUA Wanita dan Gadis: Hak. Kesamarataan. Pemerkasaan**" (For ALL Women and Girls: Rights. Equity. Empowerment.) menekankan kepentingan menjamin hak, peluang yang saksama, serta sokongan untuk mencapai potensi sepenuhnya. Sokongan sedemikian juga mesti datang **dari dalam keluarga** untuk memastikan peranan keluarga seimbang, dan semua wanita diberi peluang dan ruang serta persekitaran yang kondusif untuk berkembang maju, supaya mereka boleh menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara.

Brunei Darussalam sentiasa komited dalam **perlindungan wanita dan gadis** dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan keselamatan, hak, dan kesejahteraan mereka terjamin, termasuk melalui undang-undang dan dasar-dasar yang melindungi wanita daripada keganasan rumah tangga dan penderaan, sambil memberikan sokongan kepada penglibatan aktif mereka dalam pendidikan, pekerjaan dan kepimpinan.

Alhamdulillah, hasil **Penyelidikan Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam** telah mengenal pasti beberapa **pencapaian yang boleh dibanggakan** berkaitan penyertaan dan pencapaian wanita di negara ini, khususnya dalam bidang pendidikan dan pekerjaan:

- a. Dalam **pendidikan**, kadar penyertaan pelajar perempuan di **peringkat rendah dan menengah** hampir **100%**, mencerminkan kejayaan dasar pendidikan wajib dan akses sejagat di negara ini. Wanita juga membentuk **majoriti graduan di peringkat pengajian tinggi**, terutamanya dalam bidang pendidikan, kesihatan dan perniagaan, dengan penyertaan yang semakin meluas dalam bidang-bidang teknikal dan ICT.
- b. Dalam **pekerjaan**, penyertaan wanita dalam tenaga kerja juga kekal kukuh, dengan **76% wanita berumur 25 hingga 54 tahun** aktif menyumbang kepada ekonomi negara, di samping pencapaian membanggakan sebagai peneraju di peringkat ASEAN dengan **37%** jawatan pengurusan disandang oleh wanita. Di sektor awam, wanita membentuk **56% tenaga kerja**, termasuk **65%** dalam **jawatan pengurusan kanan**.

Tahun ini juga menandakan **Ulang Tahun ke-30 Beijing Declaration and Platform for Action (BPFA)** yang bertujuan untuk memajukan hak dan penyertaan wanita dalam semua aspek kehidupan. Laporan kemajuan Negara Brunei Darussalam bagi BDFA antara lain menunjukkan:

- a. Wanita di negara ini terus menunjukkan pencapaian yang cemerlang di dalam **bidang kepimpinan dan membuat keputusan** yang mana pada tahun 2022, **hampir separuh** daripada Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap adalah dari **golongan wanita**. Wanita juga memegang jawatan utama seperti Menteri, Timbalan Menteri, Duta Besar, Ketua Misi, Peguam Negara, Hakim Mahkamah Tinggi, dan Ketua Pegawai Eksekutif di sektor awam dan swasta.
- b. Wanita turut aktif **dalam perniagaan** dengan sokongan daripada sektor awam dan swasta, terutamanya dalam latihan digital dan kewangan. Data terkini **daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi** menunjukkan bahawa setakat Februari 2025, seramai **7,630 wanita** telah berdaftar di bawah Daftar Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan, manakala sebanyak **15,878 entiti perniagaan** dimiliki oleh wanita.

Meskipun kemajuan yang membanggakan telah tercapai, sokongan berterusan bagi golongan wanita daripada semua pihak masih diperlukan. Antara inisiatif yang terus memperkasakan wanita termasuklah:



- a. **Projek IDEAS (Meningkatkan Penyertaan Ekonomi Digital untuk Wanita ASEAN MSME)**, satu inisiatif ASEAN yang dibiayai oleh ASEAN-Korea Cooperation Fund (AKCF) untuk memperkasa usahawan wanita di negara-negara serantau. Di Negara Brunei Darussalam, projek tersebut akan dilaksanakan melalui DARe dengan kerjasama salah satu NGO, dan akan melatih seramai **242 usahawan wanita** dalam **15 kohort** dari bulan Jun 2024 hingga bulan Disember 2025, yang mana program latihan akan merangkumi e-dagang, pemasaran digital, dan pembangunan modal perniagaan.
- b. **Program Academy for Women Entrepreneurs (AWE)**, yang disokong melalui United States Department of State's Bureau of Educational and Cultural Affairs, terus menyokong usahawan wanita tempatan melalui latihan perniagaan, bimbingan dan rangkaian sokongan. Sejak dilancarkan pada tahun 2021, di Brunei Darussalam, melalui DARe, seramai **66 usahawan wanita** telah menamatkan program ini.
- c. Sebelum menceburi alam pekerjaan, **Program "Bersedialah Wanita" (PREPanita)**, anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) berjaya dijalankan secara konsisten selama 4 tahun berturut-turut sejak tahun 2021 kepada graduan institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Adapun tujuan program ini diadakan adalah bagi mewujudkan serta mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan hak-hak wanita, mempersiapkan diri wanita dan juga lelaki untuk cekal menghadapi masalah atau musibah dengan lebih berdaya tahan; dan memberi pendedahan kepada "Work-life Harmony".

Negara Brunei Darussalam akan terus komited dalam memperkuuhkan hak, kesaksamaan, dan kesamarataan wanita serta gadis melalui inisiatif nasional, rangka kerja antarabangsa, serta kerjasama bersama rakan strategik. Apabila wanita diberi ruang untuk berkembang, ia akan membawa kepada keluarga yang lebih kukuh, masyarakat yang harmoni dan negara sejahtera.

Akhir kata, diucapkan: **Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada seluruh kaum wanita di Negara Brunei Darussalam**. Didoakan semoga terus maju jaya dalam perpaduan dan membangun masyarakat dan ekonomi demi Raja, Negara, Bangsa dan Ugama.

**"UNTUK SEMUA WANITA DAN GADIS:
HAK. KESAMARATAAN. PEMERKASAAN"**


MAJLIS BERTADARUS AL-QUR'AN DI MASJID SEMPENA BULAN RAMADAN 1446/2025 KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKA DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA




DAERAH TUTONG, Sabtu, 7 Ramadan 1446 / 8 Mac 2025 - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Program Bertadarus Al-Quran di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Tutong.

Program Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan para jemaah Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Tutong.



MAJLIS BERTADARUS AL-QUR'AN DI MASJID SEMPENA BULAN RAMADAN 1446/2025 KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA



DAERAH BELAIT, Selasa, 10 Ramadan 1446 / 11 Mac 2025 - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Program Bertadarus Al-Quran di Masjid RPN Kampong Pandan, Kuala Belait.


Program ini dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid, Masjid RPN Kampong Pandan, Kuala Belait.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara bergilir-gilir yang didahului oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan para jemaah Masjid RPN Kampong Pandan, Kuala Belait.

MAJLIS TADARUS AL-QUR'AN MALAM-MALAM RAMADAN

BAGI TAHUN 1446H/2025M DI ISTANA NURUL IMAN




BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Ramadan 1446 / 14 Mac 2025 - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diteruskan lagi bagi malam ke-13 di Surau, Istana Nurul Iman. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyertai Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1446/2025 di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir sama, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) dan Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan).

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, diikuti dengan bacaan Tadarus Al-Quran. Majlis turut diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Keistimewaan Khatam Al-Quran' dan diakhiri bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada majlis berkenaan terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari KKBS dan pegawai serta guru ugama dari Jabatan Pengajian Islam dan jemputan khas.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BAGI TAHUN 1446/2025



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BAGI TAHUN 1446H / 2025M

www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei/](https://www.instagram.com/kkbs_brunei/) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei/](https://www.instagram.com/kkbs_brunei/) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)



Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Setiausaha-setiausaha Tetap KKBS, Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Bahagian, Pegawai dan Kakitangan KKBS hadir ke Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446H/2025M.

KUNJUNGAN HORMAT



KUNJUNGAN HORMAT
24 Mac 2025 di Bilik Kunjungan, Bangunan KKBS

www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Ramadan 1446 / 24 Mac 2025— Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Yang Wanming, Presiden Persatuan Persahabatan Rakyat China dengan Negara Luar (CPAFFC).

Majlis ini berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MAJLIS KHATAM AL-QUR'AN RESIDEN/PENGHUNI KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN (KRK) SEMPENA NUZUL AL-QURAN BAGI TAHUN 1446/2025



SERUSOP, Isnin, 23 Ramadan 1446 /

24 Mac 2025— Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Nuzul Al-Quran 1446H/2025M bagi residen dan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan. Majlis berlangsung pada 24 Mac 2025 di Dewan Munawarrah, Kompleks Setia Point, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji

Abdul Rashid, Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah isteri kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan isteri kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan, pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PTTM), Jabatan Perdana Menteri dan Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN, TAHLIL DAN ACARA BERBUKA PUASA BAGI PELATIH-PELATIH SERTA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PUSAT BAHAGIA BRUNEI DAN MUARA



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Ramadan 1446 / 25 Mac 2025 -

Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil dan acara berbuka puasa bagi pelatih-pelatih serta pegawai dan kakitangan Pusat Bahagia Brunei dan Muara. Majlis diadakan pada 25 Mac 2025 di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah isteri kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN PUSAT EHSAN AL-AIMEERAH AL-HAJJAH MARYAM DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA KEPADA ANAK YATIM DAN KURANG BERKEMAMPUAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Ramadan 1446 / 25 Mac 2025 - Majlis Khatam Al-Quran Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak Yatim dan Kurang Berkemampuan telah diadakan di Surau Pusat Ehsan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, serta isteri.

Acara kemuncak iaitu Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada Anak Yatim dan Kurang Berkemampuan telah diagihkan kepada 47 penerima sumbangan terdiri daripada anak yatim, kanak-kanak kurang berkemampuan serta seorang ibu tunggal dalam kalangan Pusat Ehsan.



MAJLIS PENYERAHAN DERMA TABUNG ANAK-ANAK YATIM DARIPADA KUMPULAN ISTERI-MENTERI-MENTERI KABINET



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Ramadan 1446 / 26 Mac 2025 - Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menerima sumbangan derma bagi Tabung Anak-anak Yatim daripada Kumpulan Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ahli-ahli Bersekutu pada 26 Mac 2025 di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan berjumlah BND5,000.00 disampaikan oleh Yang Mulia Datin Hajah Nahriah binti Haji Hasbi selaku Pengurus II Kumpulan Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ahli-ahli Bersekutu.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat serta ahli-ahli daripada kumpulan berkenaan.


KUNJUNGAN HORMAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Ramadan 1446 / 26 Mac 2025 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan keseluruhan berjumlah Dua Puluh Lima Ribu Ringgit (BND25,000.00) daripada enam (6) buah syarikat bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bertempat di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis dan ahli-ahli syarikat - syarikat berkenaan.

MAJLIS PROGRAM BERSEPADU PERTUBUHAN WARGAMAS



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Ramadan 1446 / 27 Mac 2025 -

Majlis Program Bersepadu Pertubuhan Wargamas iaitu Program Rancangan Khatam Al-Quran (RKAQ) dan Program Khatam Al-Quran (MKAQ), Majlis Khatam Program Tadarus Al-Quran Bulan Ramadan dan Program Sumbangan Derma Kepada Anak-Anak Yatim dan Sumbangan Infak Mulia Kepada Ahli-Ahli Pertubuhan Wargamas telah diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama PAP Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Kampong Serusop.



Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi Bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM, PEGAWAI DAN KAKITANGAN KKBS SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 1446/2025



MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM, PEGAWAI DAN KAKITANGAN KKBS SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 1446/2025
27 Mac 2025 di Dewan Digadong, Bangunan KKBS

www.bbs.gov.my bbs.lnwrm [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://facebook.com/KebudayaanBeliaSukan)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Ramadan 1446 / 27 Mac 2025

— Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hari ini mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma kepada Anak-Anak Yatim, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi Tahun 1446/2025. Majlis diadakan di Dewan Digadong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Setiausaha -Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan diikuti dengan ceramah agama yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Sammali bin Haji Adam, Pegawai Pelajaran, Bahagian Kauseling, Kementerian Pendidikan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian derma kepada 19 orang anak yatim terdiri daripada 10 orang lelaki dan 9 orang perempuan. Sumbangan derma disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



www.bbs.gov.my bbs.lnwrm [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://facebook.com/KebudayaanBeliaSukan)



www.bbs.gov.my bbs.lnwrm [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://facebook.com/KebudayaanBeliaSukan)

PROGRAM TADARUS AL-QURAN



DAERAH TEMBURONG, Khamis, 26 Ramadan 1446 / 27 Mac 2025 — Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Program Bertadarus Al-Quran di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Program Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan para jemaah Masjid Utama Mohammad Salleh, Daerah Temburong.



PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADHAN 1446/2025

DAERAH BRUNEI DAN MUARA, DAERAH TUTONG, DAERAH TEMBURONG & DAERAH BELAIT, Sabtu,

28 Ramadan 1446 / 29 Mac 2025 — Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan 1446H/2025M secara serentak di keempat-empat daerah bagi menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan asas kepada 17 buah keluarga daripada golongan susah termasuk penerima bantuan kebajikan bulanan daripada JAPEM, anak-anak yatim, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU).



Rombongan Kembara Amal Ramadan di Daerah Brunei dan Muara diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebanyak 5 buah rumah telah dikunjungi bagi menyampaikan sumbangan tersebut yang dimulakan dari rumah pertama di Kampung Lupak Luas, Kampung Junjongan, Kampung Putat, Kampung Subok dan rumah terakhir di Kampung Rimba.

Turut menyertai rombongan ialah Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat Zon 5, Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan daripada KKBS dan JAPEM, penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan.



Rombongan di Daerah Tutong diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kembara ke 4 buah rumah bermula dari rumah di Kampung Kiudang, Kampung Kuala Ungar, Kampung Bukit Udal dan rumah terakhir di Kampung Sengkarai.



Turut menyertai rombongan ialah Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai Zon 2, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong Zon 1, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan daripada KKBS dan JAPEM, penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan.



Rombongan di Daerah Temburong pula diketuai oleh Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebanyak 4 buah rumah telah dikunjungi yang dimulai dari rumah di Kampung RPN Rataie, Kampung Belais, Kampung Parit Belayang dan berakhir di rumah di Pekan Bangar.




Bagi Daerah Belait pula, rombongan diketuai oleh Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebanyak 4 buah rumah dikunjungi yang dimulai dari rumah di Kampung RPN Pandan 'B', seterusnya ke dua buah rumah di Kampung RPN Panaga dan berakhir di Kampung Keluyoh.



Turut menyertai rombongan ialah Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat Zon1, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat, Zon 1, pegawai-pegawai kanan daripada KKBS dan JAPEM, penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan.



E-Poster Memperingati Nuzul Al-Quran Tahun 1446 Hijrah



E-Poster Menyambut Bulan Ramadan 1446/2025



ក្រសួងកុំប្នោគយោន, បរិយាខាងសុកន

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan